

BERITA

JADI ANGGOTA PALAPES

JANGAN SEKADAR NAK PENUHI KOKURIKULUM UNIVERSITI



ALOR SETAR, 5 November - Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah pelajar universiti yang menyertai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) perlu melunasi tanggungjawab mereka kepada negara.

"Namun realiti yang harus diterima ialah ramai dari kalangan Askar Wataniah ini sekadar 'hangat-hangat tahi ayam' terhadap tanggungjawab yang harus mereka lunasi sebagai seorang anggota. "Ada juga yang menganggotai PALAPES hanya sekadar untuk memenuhi kurikulum universiti. Hasilnya setelah tamat pengajian, tauliah yang disandang dibuang entah ke mana. Apa yang penting adalah komitmen individu yang menyahut cabaran ini mestilah jujur dan dengan rela hati ingin berbakti kepada negara," titah Baginda.

Baginda selaku Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bertitah demikian pada majlis Santapan Malam Rejimental Sempena Pertaualahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES UniMAP Ke-10, di sini. Berangkat sama Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro Canselor UniMAP. Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP Datuk Dr. Mohd Sofi Osman dan Komandan PALAPES UniMAP, Datuk Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

Tuanku Syed Faizuddin bertitah penubuhan dan pembangunan Askar Wataniah sebagai ketumbukan barisan kedua pertahanan negara yang ampuh tidak boleh diragui kerana ia mampu mengerakkan jentera sokongan kepentingan awam semasa negara berada dalam saat genting. Baginda bertitah seiring melangkah ke tahun 2020, kehidupan yang dilalui kian mencabar dan apa yang menjadi kebimbangan negara ialah kesedaran daripada generasi muda dalam memelihara kedaulatannya.

Pada majlis itu baginda turut menyampaikan hadiah kepada penerima Anugerah Pegawai Kadet Terbaik (Keseluruhan) UniMAP 2017, Leftenan Muda Lai Ning Jing, Nur Hikmah Abdul Rasid (Terbaik Ketenteraan), Yew Lie Jie (Terbaik Akademik-Diploma) dan Low Yong Chin (Terbaik Akademik-Ijazah).